



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

PEMIMPIN DITAATI, NEGARA HARMONI

Tarikh Dibaca :

**11 Rejab 1441H/
6 Mac 2020M**

**Disediakan oleh :
Cawangan Khutbah & Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**

**PEMIMPIN DITAATI, NEGARA HARMONI**

6 Mac 2020M/ 11 Rejab 1441H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَلَا تَغْفِرُهُ وَتَوْبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهِدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهَتَّدُ وَمَنْ يُضْلَلْ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا لَمَّا صَبَرُوا وَكَانُوا بِإِيمَانِنَا يُوقِنُونَ ^{٢٤}

Para tetamu Allah yang dikasihi sekalian,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Semoga kita semua mendapat keredhaan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Mimbar sentiasa mengalu-alukan kehadiran para Jemaah sekalian yang istiqamah menunaikan kewajipan kepada Allah SWT. Inilah bukti sikap tanggungjawab kita kepada tuntutan syariat yang menjadi perisai hidup setiap muslim. Pada hari yang penuh dengan keberkatan ini, marilah kita



sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk : **“Pemimpin Ditaati, Negara Harmoni”.**

Para hadirin yang dirahmati Allah SWT,

Sebagai rakyat Malaysia yang cintakan negara, kita tentunya mengimpikan negara kita terus membangun, maju, berdaya saing dan menjadi contoh kepada negara-negara lain. Keamanan dan keharmonian antara kaum semestinya menjadi faktor yang sangat penting kepada negara kita untuk mencapai kemajuan yang seimbang dalam pelbagai aspek seperti ekonomi, sosial, budaya, pendidikan dan sebagainya. Justeru, kepimpinan negara mestilah menjadi keutamaan dalam memastikan kesimbangan tersebut terus terpelihara. Maksud daripada firman Allah SWT dalam surah al-Sajadah ayat 24 sebagaimana yang dibacakan sebentar tadi :

“Dan Kami jadikan dari kalangan mereka beberapa pemimpin, yang membimbing kaum masing-masing kepada hukum agama kami, selama mereka bersikap sabar (dalam menjalankan tugas itu) serta mereka tetap yakin akan ayat-ayat keterangan kami.”

Imam Ibn Kathir dalam menafsirkan ayat tersebut, menyatakan bahawa : *Ketika mereka sabar dalam melaksanakan perintah-perintah Allah dan menjauhi larangan-larangan-Nya, membenarkan para Rasul-Nya dan mengikuti risalah yang diberikan kepada mereka, nescaya mereka menjadi pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk kepada kebenaran dengan perintah Allah, mengajak kepada kebaikan, memerintahkan yang makruf dan melarang kemungkaran.*



Setiap pemimpin seharusnya menjadi contoh dan tauladan kepada masyarakat. Saidina Umar al-Khattab RA pernah menyatakan bahawa “*manusia mengikuti cara hidup pemimpinnya*”. Kata-kata tersebut menepati realiti kehidupan kebanyakan masyarakat. Justeru, dengan adanya pemimpin yang menjadi suri teladan, maka sudah tentu dia akan memberi kesan yang mendalam kepada cara hidup masyarakat.

Kaum Muslimin yang berbahagia,

Sesungguhnya sebagai rakyat yang bertanggungjawab, kita wajib mentaati pemimpin. Dalam konteks negara, pemimpin yang mesti kita hormati ialah Ketua Utama Negara iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dipilih oleh Majlis Raja-Raja. Malah kita juga mestilah menghormati kepimpinan negara iaitu Jemaah Menteri atau Kabinet.

Kesetiaan kepada Raja dan Negara yang menjadi Rukun Negara mestilah difahami dan dihayati dengan sepenuhnya. Setiap titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong mestilah ditaati oleh setiap rakyat Negara ini. Sesungguhnya Baginda Tuanku menjadi simbol kepada perpaduan yang kukuh dalam kalangan rakyat berbilang kaum dan agama. Amat menyedihkan apabila masih ada dalam kalangan rakyat yang berani mempersenda dan menghina institusi Raja di negara ini. Inilah yang menghakis perasaan hormat dan cintakan negara. Ingatlah firman Allah SWT di dalam surah An-Nisa' ayat 59:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ أَلَّا مُرِّ مِنْكُمْ



Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.”

As-Syeikh Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi menyatakan suruhan taat kepada pemerintah disertakan dengan ketaatan kepada Allah dan Rasulullah SAW. Ini menunjukkan bahawa ketaatan kepada pemerintah perlulah didasari dengan ketaatan kepada Allah dan Rasulullah SAW supaya dengan itu masyarakat akan terpelihara dengan keimanan dan dalam masa yang sama mereka juga terhindar daripada penindasan. Justeru, setiap pemerintah itu dituntut untuk menunaikan amanah kepimpinan dengan sempurna dan sentiasa mentaati Allah dan Rasul-Nya.

Imam Muslim meriwayatkan hadis, daripada Ibnu Umar RAhnuma, Rasulullah SAW bersabda:

عَلَى الْمَرءِ الْمُسْلِمِ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ، فِيمَا أَحَبَّ وَكَهَ، مَا لَمْ يُؤْمِنْ بِعَصِيَّةٍ، فَإِذَا أَمْرَ
بِعَصِيَّةٍ فَلَا سَمْعٌ وَلَا طَاعَةٌ

Maksudnya: “Setiap orang Islam wajib mendengar dan mentaati dalam perkara yang dia suka dan perkara yang dia benci, kecuali dia diperintah melakukan maksiat. Maka dia tidak boleh mendengar atau taat.”

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya setiap pemimpin itu mestilah mempunyai ciri-ciri yang melayakkan mereka menjadi pemimpin yang bertanggungjawab. Justeru, beberapa ciri pemimpin yang menduduki jawatan tertinggi negara



sebagaimana yang digariskan oleh Sahibus Samahah Mufti Wilayah Persekutuan antaranya:

Pertama: Islam. Ini adalah kerana urusan pemerintahan adalah salah satu hukum syarak yang berkaitan dengan pentadbiran hal ehwal umat Islam.

Kedua: Matang. Oleh itu, tidak sah melantik kanak-kanak, orang yang jahil dan yang seumpama dengan mereka sebagai pemerintah, walaupun mereka dikelilingi oleh para penasihat.

Ketiga: Bersifat adil. Orang yang bersifat adil ialah orang yang tidak melakukan dosa besar seperti membunuh, berzina dan memakan riba. Dia juga tidak berterusan melakukan dosa kecil.

Keempat: Mempunyai pengetahuan tentang hukum agama dan dalilnya. Pemerintah mestilah mengetahui hukum-hakam syarak dan dalil-dalilnya. Pengetahuan ini akan membolehkannya berijtihad. Jika dia tidak mampu berijtihad, maka dia hendaklah mempunyai penasihat-penasihat yang mamahami hukum-hakam Islam.

Kelima: Bijaksana dan mempunyai pemikiran holistik. Sifat ini membolehkan seseorang pemerintah mampu mentadbir, menjaga keselamatan negara dan rakyat daripada sebarang ancaman. Kebijaksanaan ini hanya dapat dikesan dan dinilai oleh mereka yang berpengalaman, ahli syura dan mereka yang pernah menjalankan tugas-tugas ini.



Keenam: Melaksanakan Nilai-Nilai Islam. Beramal untuk Islam adalah wajib. Ini kerana tidak akan terlaksana syariat Allah di muka bumi sekiranya sistem dan undang-undang ciptaan manusia lebih diutamakan ke atas masyarakat. Justeru, pemimpin mestilah membawa rakyat supaya mengamalkan cara hidup berteraskan nilai-nilai Islam.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar mengambil kesempatan untuk mengajak sidang Jemaah sekalian, marilah kita saling berusaha menjaga keamanan dan kesejahteraan negara serta saling ingat-mengingati sesama kita agar terus memelihara keharmonian sesama masyarakat yang berbilang kaum. Berilah sepenuh kepercayaan kepada pihak berkuasa dalam menangani dan menyelesaikan isu-isu berkaitan penghinaan kepada agama, penghinaan kepada Institusi Raja, perkauman dan sebagainya. Sebagai rakyat yang bijak, kita juga mestilah mengamalkan sikap ‘semak sebelum sebar’ terhadap sesuatu berita yang diterima.

Mimbar juga mengambil kesempatan untuk menyarankan kepada setiap Pentadbiran Masjid dan Surau Jumaat di Wilayah Persekutuan supaya melaksanakan solat hajat selepas solat jumaat hari ini dan Hari-Hari yang lain mengikut keperluan bagi memohon kesejahteraan, keamanan dan keselamatan negara daripada sebarang pergolakan, huru-hara dan wabak penyakit berbahaya seperti (Covid-19). Semoga Allah SWT mengabulkan doa kita, insya Allah.

Mengakhiri khutbah hari ini, khatib ingin mengemukakan beberapa kesimpulan sebagai ingatan kita bersama.



Pertama: Setiap pemimpin seharusnya menjadi contoh dan tauladan kepada masyarakat. Baiknya rakyat adalah cerminan bagi baiknya para pemimpin.

Kedua: Mentaati pemerintah perlulah didasari dengan ketaatan kepada Allah dan Rasulullah SAW supaya masyarakat akan terpelihara dengan keimanan dan dalam masa yang sama mereka juga terhindar daripada penindasan.

Ketiga: Kesetiaan kepada Raja dan Negara yang menjadi Rukun Negara mestilah difahami dan dihayati dengan sepenuhnya oleh setiap warganegara.

Firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf ayat 96,

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ إِمْنَوْا وَاتَّقَوْا لَفَتَحَنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَكِنْ كَذَّبُوا فَأَخْذَنَاهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ٩٦

Maksudnya: “Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.”

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتِهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ。 أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ。



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهْلِهِ أَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فِيَّا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تُقَاتَهُ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلٰى
النَّبِيِّ يَسِّرِيْهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوٰتٌ عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا

◎ ٥٦ ◎

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى
أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضُ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ
الْأَكْرَمِينَ.

اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.



اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامَ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَ مَلِكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ فَدوْكَ بِكِينِدا يَعْ دَفْرَتوَانَ اَكْوَغُ ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهُ اَبْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ حَاجِ اَحْمَدَ شَاهُ الْمُسْتَعِينُ بِاللَّهِ .

وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ فَدوْكَ بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَايِسُورِي اَكْوَغُ ، تُونِكُو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيزَةُ اَمِينَةُ مِيمُونَةُ إِسْكَنْدَرِيَةُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ .

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَّاعَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا اَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَآمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ اعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِرْ اَعْدَاءَكَ اَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

يَا اللَّهُ، جَادِيَكَنَهُ كَامِي اُورُغْ ۲ يَعْ منديري肯 صلاة سِچَارَا بِرْجَمَاعَهُ دَانْ منونا يَكْنِ زَكَّاهُ مَلَالُوَعي قُوستْ قُوَعُوتْنَ زَكَّاهُ مَجْلِيسِ اَكَامِ إِسْلَامَ وَلَاهِيَهْ فَرْسَكُوتَوَانَ سَرَتَا رَحْمَتِيلَهْ كُولُوغُنْ يَعْ منونا يَكْنِ زَكَّاهُ . جَادِيَكَنَهُ اوْسَهَا MAIWP دَالِمْ مَثَاكِيَهْ كَنْ زَكَّاهُ دَولَاهِيَهْ فَرْسَكُوتَوَانَ سِباُكَاهِي سَاتُو لَغَكَهْ يَعْ بَرْكَسَنْ باُكِي مَلْقَسَكَنْ اَصْنَافَ دَرِي بَلَغَكُو كَمِيسَكِينَ .

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ،



إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعُدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَاتِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَادْعُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعِظِّلُكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.